

# Seminar kerjaya dalam industri sukan anjuran KBS dan Kolej CD UMS

UB 4-1-14 A14

**KOTAKINABALU:** Bahagian Industri Sukan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) bersama Kolej Kediaman Cemerlang Dinamik (CD) telah menganjurkan Seminar Kerjaya dalam Industri Sukan baru-baru ini bertempat di DKP4 Universiti Malaysia Sabah.

Seminar ini turut mendapat sokongan Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sabah, Majlis Pengetua-Pengetua Kolej Kediaman UMS (MAPEK) dan Bahagian Hal Ehwal Pelajar UMS. Sambutan yang tidak dijangkakan iaitu seramai 110 peserta yang terdiri dari pelajar UMS dalam pelbagai bidang telah menghadiri seminar ini.

Kementerian Belia dan Sukan sedang giat melaksanakan inisiatif untuk meningkatkan kesedaran mengenai industri dan potensi sukan sebagai perniagaan yang boleh menyumbang kepada visi

Malaysia sebagai negara berekonomi berpendapatan tinggi.

Justeru itu Kolej Kediaman CD di bawah pimpinan Dr. Mohamad Nizam Hj. Nazarudin berusaha membawa pihak KBS ke kampus untuk menyampaikan bahawa sukan juga mempunyai potensi untuk bertindak sebagai laluan kerjaya yang boleh menjamin masa depan kepada para pelajar di semua kolej kediaman UMS.

Sesi ceramah dimulakan dengan pengenalan terhadap industri sukan yang disampaikan oleh Ibrahim Mohd Yusof iaitu Setiausaha Bahagian Industri Sukan Kementerian Belia dan Sukan. Para peserta banyak didedahkan dengan statistik industri sukan di dunia dan peluang-peluang kerjaya pada masa akan datang.

Sesi seterusnya di teruskan



**DAHALI** menyampaikan sijil penyertaan kepada seorang peserta seminar.

oleh Zulkifli Shahari yang merupakan pakar perunding pemasaran sukan dan bekas penolong pengurus besar pemasaran sukan Telekom Malaysia Berhad.

Beliau turut berkongsi pengalaman bagaimana proses mendapatkan penajaan dan kehendak syarikat swasta dalam membuat keputusan berhubung penajaan dalam sukan.

Para peserta turut berkongsi pengalaman Pekan Ramli sebagai pemberita bagaimana atlet dan bukan atlet menjana pendapatan melalui sukan. Sesi terakhir dikendalikan oleh Muhamed Shafique Mohamad Iqbal yang merupakan pengarah urusan syarikat yang sedang membida hak milik pertandingan bot laju di Malaysia. Ikon perniagaan sukan ini banyak berbicara berkenaan perniagaan dengan ikon perniagaan sukan.

Pengetua Kolej CD iaitu Dr Mohamad Nizam Hj. Nazarudin berharap kursus

ini sebagai platform pelajar mengetahui mengenai kerjaya dan potensi dalam industri sukan agar terdapat sumber manusia yang berkebolehan dan mencukupi dalam usaha membangun dan memajukan industri sukan. Beliau yakin para peserta memahami penerangan dan pengetahuan yang disampaikan mengenai prospek kerjaya dalam sukan.

Majlis perasmian dan penutup dilaksanakan oleh Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sabah iaitu Datuk Haji Mohd Dahali Haji Matsin. Dalam ucapan beliau, beberapa penekanan diberikan terhadap peluang-peluang dalam industri sukan khususnya di Sabah.

Beliau juga akan terus berkerjasama menganjurkan kursus-kursus seumpama ini bersama Kolej CD UMS pada masa akan datang. Para peserta turut menerima sijil penyertaan yang disampaikan sendiri oleh Pengarah Jabatan Belia dan Sukan Negeri Sabah.



**DR Nizam** menerima cenderhati dari KBS.